

11 SEP 1982

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Mahathir terima hadiah buku sejarah

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah dihadiahkan senakak buku mengenai perjuangan UMNO di Perhimpunan Agung UMNO di Hotel Hilton hari ini.

Buku itu dihadiahkan oleh pengarangnya, Encik Ibrahim Mahmood semasa majlis berehat selepas Datuk Seri Dr. Mahathir menyampaikan ucapan dasarnya, selaku presiden parti.

Encik Ibrahim berkata, Perdana Menteri sungguh tertarik dengan buku itu yang bertajuk *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu* setebal 1,170 muka.

Menurut Encik Ibrahim, beliau mengarang buku itu semasa berkhidmat di Ibu Pejabat UMNO di sini dari tahun 1971 hingga 1979.

Katanya, Datuk Senu Abdul Rahman ketika itu sebagai Setiausaha Agung UMNO telah memintanya menyusun dan mengarang sejarah perjuangan bangsa Melayu, khususnya UMNO dari rekod-rekod dan minit mesyuarat yang terdapat di Ibu Pejabat UMNO.

Encik Ibrahim yang juga bekas pengasas dan pengarang akhbar *Warta Negara* di Pulau Pinang berkata setelah bertungkus lumus selama lima tahun beliau berjaya menyusun dan menyiapkan buku tersebut.

Buku itu diterbitkan oleh Pustaka Antara dalam tahun 1980 atas jasa baik Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj.

Encik Ibrahim berharap buku sejarah itu mendapat sambutan bukan sahaja dari para anggota UMNO bahkan seluruh bangsa Melayu.

N
N